

# Luaskan takrif jaya: Presiden Halimah

Liputi yang berbakat dalam bidang berbeza;  
ambil laluan panjang capai sasaran, miliki daya tahan dan kerja keras

► FARID HAMZAH  
farid@sph.com.sg

DI sebalik meraikan kemajuan masyarakat Melayu/Islam dan menggalak budaya pembelajaran sepanjang hayat, masih terdapat banyak perkara meliputi bidang pendidikan dan pekerjaan yang perlu diusahakan bersama.

Menehkannya demikian di majlis pelancaran acara tahunan Mendaki, Bulan Raikan Ilmu, Galeri Warisan Mendaki dan Buku Peringatan Mendaki semalam, Presiden Halimah Yacob berkata takrifan kejayaan perlu diperluaskan agar tidak hanya tertumpu pada mereka yang cemerlang secara akademik.

Menurutnya, definisi kejayaan harus juga mencakupi usaha mereka yang mempunyai kebolehan berbeza termasuk golongan yang mengambil laluan lebih panjang bagi mencapai matlamat mereka menerusi kesungguhan dan kerja keras.

Sepertimana katanya di acara yang berlangsung di Wisma Geylang Serai (WGS):

“Kini terdapat lebih banyak peluang bagi anak muda seperti Program Bekerja dan Belajar (ELP) SkillsFuture buat lulusan Institut Pendidikan Teknikal (ITE).

“Ini adalah program perantis yang membawa pada diploma atau diploma lanjutan serta menjamin lanjutan kerjaya lebih baik di samping peluang menimba pengajian tinggi.

“Kita juga memerlukan sokongan berterusan ibu bapa bagi meletakkan pendidikan sebagai keutamaan dan mewujudkan sekitaran sesuai buat anak-anak mereka. Individu dan keluarga juga perlu merangkul pendidikan dan pembelajaran sepanjang hayat sepenuh hati mereka sebelum ia menjadi nilai utama masyarakat kita.”

Puan Halimah juga menarik perhatian bahawa usaha memahami bagaimana penstrukturkan semula ekonomi Singapura akan menjelaskan masyarakat menerusi automasi dan kecerdasan buatan (AI) juga sama penting.



**JEJAK DUNIA PENDIDIKAN:**  
Presiden Halimah Yacob (tiga dari kiri), diiringi suami Encik Mohamed Abdullah Alhabshee (empat dari kiri); Encik Zaqq (kiri); CEO Mendaki, Cik Rahayu Buang; dan Encik Masagos meninjau Galeri Warisan Mendaki yang dilancarkan semalam. – Foto YAYASAN MENDAKI

“Teknologi merupakan gangguan utama memandangkan kebanyakannya pekerjaan yang kita lakukan kini akan menjadi lapuk tetapi akan terbentanglah banyak peluang baru jika kita memiliki kemahiran dan keupayaan yang relevan.

“Kita perlu pertingkatkan usaha membantu pekerja mengenal pasti bidang pembangunan baru dan membantu memadankan mereka dengan peluang tersebut,” katanya.

Raikan Ilmu ditujukan buat pelbagai lapisan masyarakat dengan bermacam acara termasuk membaca bersama keluarga diadakan hari ini di Taman Di Pesisiran.

Galeri Warisan Mendaki pula menjelaskan perjalanan masyarakat Melayu ke arah kecemerlangan pendidikan dari masa ke

masa.

Buku peringatan *Navigating Educational Development: Mendaki and the Malays* pula meninjau pendakian masyarakat dalam landskap pendidikan dari kaca mata mantan pemimpin masyarakat.

Ia ditulis Ketua Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Nasional Singapura (NUS), Profesor Madya Noor Aisha Abdul Rahman, bersama suaminya, Encik Idris Surattee, seorang pengkaji bebas.

Turut hadir di majlis pelancaran semalam adalah Menteri Bertanggungjawab bagi Ehwal Masyarakat Islam dan Pengurusan Yayasan Mendaki, Encik Masagos Zulkifli Masagos Mohamad, serta Menteri Negara (Pembangunan Negara merangkap Tenaga Manusia) yang juga Timbalan Pengurusi

Yayasan Mendaki, Encik Zaqq Mohamad.

Mengulas kepentingan Raikan Ilmu, Encik Masagos berkata:

“Jika kita lihat di kebanyakan negara, penduduknya masih lagi terpinga-pinga meraih pencapaian dalam pendidikan. Tapi di Singapura yang sudah maju, kita bukan setakat mendapat pendidikan rasmi, tetapi mempunyai budaya yang mahukan pendidikan sepanjang hayat.

“Ini kerana terdapat perubahan dalam teknologi dan peraturan perdagangan yang berlaku amat pesat sekali. Kita sebagai rakyat Singapura, yang merupakan sebuah negara terbuka, akan meraih manfaat sekiranya kita siap meningkatkan dan merubah kepakaran demi mendapatkan kepakaran baru,” katanya.